

20 APR 1996

MALAYSIA MENANG ASTAKA TERBAIK DI PAMERAN ZAGREB

Oleh: Salbiah Said

ZAGREB, 20 April (Bernama) -- Malaysia memenangi anugerah astaka terbaik di Pameran Zagreb dengan mengalahkan tujuh astaka dari negara lain pada pameran tersebut yang berlangsung untuk hari keempat hari ini. Anugerah tersebut disampaikan kepada Ketua Eksekutif Perbadanan Kemajuan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Samsudin Marsop.

Sejak Isnin lepas, tujuh pameran antarabangsa berlangsung di Pameran -- Pameran Pertanian Antarabangsa, Pameran Barangan Pengguna Antarabangsa, Pameran Bangunan Antarabangsa, Pameran Kraf Antarabangsa, pameran mengenai ciptaan dan kemajuan teknikal serta Pameran Industri Pembungkusan Antarabangsa yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Croatia, Zlatko Matesa.

Pada 18 April yang lalu, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Pameran Malaysia di Pameran Zagreb dan melancarkan kereta Proton siri 400 untuk pasaran Croatia bersempena lawatan sehari beliau ke negara itu.

Astaka Malaysia menyaksikan penyertaan syarikat-syarikat terkemuka negara seperti Proton, Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON), Sapura Holdings Bhd, Berjaya Group Bhd dan Sime Darby Bhd. Ia juga turut disertai oleh Lembaga Kayu-kayan Malaysia, Lembaga Perusahaan Nanas Malaysia, Majlis Galakan Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. --BERNAMA

SS DIN RIF